

Artikel

**Persepsi Pelajar Terhadap Pengaplikasian Pendekatan Naratif dalam Pengajaran Kaedah
Penyelidikan di Institusi Pengajian Tinggi**

*(Student Perceptions of the Application of Narrative Approach in Teaching Research Methods in Higher
Education Institutions)*

Zuraini Jusoh*, Salina Husain, Norazlina Hj Mohd Kiram & Muhammad Nasri Rifin

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

* Pengarang Koresponden: zurainijusoh@upm.edu.my

Diserah: 30 September 2025 / Diterima: 23 January 2025

Abstract: Pendekatan pengajaran yang bersesuaian penting untuk memastikan objektif pembelajaran tercapai. Pengkajian terhadap sesuatu pendekatan dijalankan secara berterusan dalam kalangan pendidik dalam usaha memastikan pengajaran pensyarah dapat dijalankan secara berkesan, seterusnya membolehkan pelajar memahami isi pelajaran dengan lebih baik. Oleh itu, kajian kes ini dijalankan bertujuan untuk meneliti kesesuaian pendekatan naratif diaplikasikan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Pemilihan sampel kajian dibuat secara bertujuan apabila semua 62 pelajar yang mendaftar kursus ini terlibat. Kesesuaian pendekatan naratif diaplikasikan dalam pengajaran pada peringkat pengajian tinggi ini dibuat berdasarkan Teori Paradigma Naratif yang dikemukakan oleh Fisher (1978) yang menyatakan bahawa naratif membolehkan pelajar berkongsi dan menerima cerita yang sesuai dengan individu. Cerita-cerita berkait dengan proses menjalankan penyelidikan ini dijangka dapat membantu pelajar merancang dan menghasilkan penyelidikan mereka sendiri. Kesesuaian naratif ini dinilai berdasarkan komen pelajar terhadap penilaian pengajaran pensyarah. Hasilnya, pelajar berpandangan naratif yang digunakan oleh pensyarah kursus dapat membantu memberikan penerangan yang jelas, membolehkan pelajar memahami topik yang dikuliahkan, menimbulkan rasa ramah dan mesra serta membuatkan pelajar seronok mempelajari kursus ini. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa naratif sesuai diaplikasikan dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Oleh itu, walaupun naratif boleh dikatakan sesuai diaplikasi dalam semua peringkat pengajian, namun penelitian yang lebih lanjut dan jenis naratif yang dikongsikan juga perlu disaring agar bersesuaian dengan peringkat umur pelajar. Hal ini kerana sekiranya pensyarah menggunakan naratif yang kurang sesuai, ini bukan sahaja tidak membantu kepada pemahaman pelajar terhadap isi pengajaran sebaliknya, akan mengurangkan fokus mereka mempelajari kursus tersebut.

Kata kunci: Naratif; perkongsian pengetahuan; perkongsian pengalaman; pelajar institusi pengajian tinggi, pedagogi

Abstract: An appropriate teaching approach is important to ensure that learning objectives are achieved. Studies on an approach are continuously conducted among educators in an effort to ensure that lecturers' teaching can be carried out effectively, thus enabling students to better understand the content of the lesson. Therefore, this case study was conducted to examine the suitability of the narrative approach applied in the BBM3413 Malay Language Research Methods course among students in higher education institutions. This case study was conducted throughout 14 weeks of lectures in the first semester of the 2024/2025 session. The selection of the study sample was made purposively when all 62 students who registered for this course were involved. The suitability of the narrative approach applied in teaching at the higher education level was made

based on the Narrative Paradigm Theory presented by Fisher (1978) which states that narrative allows students to share and receive stories that are appropriate for the individual. Stories related to the process of conducting this research are expected to help students plan and produce their own research. The suitability of this narrative was assessed based on students' comments on the lecturer's teaching evaluation. As a result, students believe that the narrative used by the course lecturers can help provide clear explanations, enable students to understand the topics being taught, create a sense of friendliness and friendliness, and make students enjoy learning this course. The findings of this study prove that narrative is suitable for application among students in higher education institutions and not just among children. Therefore, although narrative can be said to be suitable for application at all levels of study, further research and the type of narrative shared also need to be screened to be appropriate for the age of the students. This is because if the lecturer uses a narrative that is not appropriate, this will not only not help students understand the content of the lesson, but will also reduce their focus on learning the course.

Keywords: Narrative; knowledge sharing; experience sharing; students in higher education institutions, pedagogy

Pengenalan

Naratif atau cerita merupakan elemen yang dekat dengan setiap lapisan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana boleh dikatakan setiap individu melakukan aktiviti naratif sama ada secara sedar ataupun tidak. Menurut Bayer dan Hettlinger (2019), sesiapa sahaja boleh bercerita, menjadikannya satu bentuk komunikasi yang sangat berdaya dan berkesan untuk pelbagai senario. Manakala, Zulfritria, Rahmatunnisa dan Khanza (2021) menjelaskan bercerita merupakan cara bertutur untuk menyampaikan sesuatu secara lisan dengan mengisahkan perbuatan, pengalaman serta suatu kejadian yang benar-benar terjadi ataupun merupakan dongeng, yang mengandungi nilai-nilai kehidupan yang dapat diresapi serta mudah dicernakan. Berdasarkan definisi ini, bercerita boleh diaplikasikan melalui dua cara, iaitu menceritakan berdasarkan bahan tertentu dan bercerita berdasarkan pengalaman individu. Bernaratif berdasarkan bahan tertentu seperti yang diaplikasikan dalam kalangan ibu bapa yang menceritakan kepada anak-anak berdasarkan buku cerita sebagai halwa telinga sebelum tidur ataupun guru yang menggunakan buku cerita untuk menyampaikan isi pelajaran di dalam kelas. Manakala, bercerita berdasarkan pengalaman individu pula dilakukan melalui perkongsian yang telah dilalui atau yang pernah dihadapi agar individu yang lain tidak mengalami situasi yang sama atau dapat mencari jalan penyelesaian berdasarkan pengalaman lepas yang telah dikongsikan.

Walaupun pendekatan naratif semakin diiktiraf dalam pendidikan awal, penggunaannya pada peringkat pengajian tinggi masih kurang diberikan perhatian, khususnya dalam konteks pengajaran kaedah penyelidikan. Dalam usaha memudahkan pelajar memahami konsep yang diajarkan, maka pendekatan naratif diaplikasikan dalam pengajaran kursus ini. Hal ini kerana menurut Abu Talib et al. (2025), kemahiran pedagogi bukan sahaja menjadi teras kepada keberkesanan pengajaran, malah berperanan penting dalam memastikan pelajar menerima pendidikan yang adil dan inklusif. Landrum et al. (2019) menyatakan bahawa budaya bercerita merupakan sesuatu yang universal dan bentuk pengajaran tertua. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana pendekatan bercerita ini dapat diaplikasikan untuk menjelaskan topik-topik kuliah. Secara khususnya, objektif kajian ini dijalankan ialah untuk mengenal pasti kesesuaian bercerita berdasarkan pengalaman menjalankan penyelidikan dalam bidang bahasa dan linguistik Melayu kepada pelajar di institusi pengajian tinggi yang berumur dalam lingkungan 21 hingga 22 tahun.

Pendekatan Naratif dalam Pengajaran

Naratif, cerita atau kisah bukan suatu benda yang baharu. Perkataan ini sering digunakan dan boleh dikatakan diketahui umum. Namun, disebabkan oleh kebiasaan perkataan ini, kadang-kadang keberkesanannya dalam membantu menguasai sesuatu kemahiran dan kepada kelompok tertentu diabaikan. Kajian-kajian lepas berkaitan keberkesanan naratif seperti oleh Friskie (2020), Khilil dan Md Razi (2018), Jones (2001), Ahmadpour et al. (2025) dan banyak lagi membuktikan bahawa naratif masih relevan dan sesuai digunakan

sama ada dalam pendidikan, bidang psikologi mahupun membantu dalam meningkatkan penguasaan sesuatu kemahiran dalam kalangan masyarakat.

Friskie (2020) menyatakan bahawa naratif mempunyai kuasa untuk membantu pelbagai kelompok masyarakat. Hal ini kerana apabila sesuatu cerita dikongsikan, secara tidak langsung pengetahuan daripada seorang akan dipindahkan kepada individu yang lain. Khlil dan Md Razi (2018) menyatakan bahawa manusia lebih mudah terpengaruh dengan cerita yang bagus. Selain itu, cerita juga memainkan peranan penting dalam interaksi seharian (Jones, 2001). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa perkongsian cerita ini dapat membantu dari segi emosi individu yang bercerita dan yang mendengar cerita tersebut. Penyataan ini disokong berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh Ahmadpour et al. (2025) yang telah menjalankan kajian dalam bidang kejururawatan, apabila naratif dikatakan berkesan menimbulkan rasa empati dalam kalangan jururawat terhadap pesakit-pesakit yang sedang menerima rawatan.

Hughes et al. (2022) pula menyatakan bercerita ialah cara seseorang boleh berhubung antara satu sama lain, dan cerita telah lama digunakan sebagai cara untuk menarik perhatian seseorang. Melalui cerita, pengalaman dan maklumat yang dikongsi membolehkan individu lain mengambil input tersebut tanpa perlu melaluinya sendiri. Pendekatan naratif membolehkan identiti dan pandangan terhadap dunia seseorang difahami dengan mengacu kepada cerita-cerita (narasi) yang didengari ataupun yang dituturkan dalam aktiviti seharian, iaitu baik dalam bentuk gosip, berita, fakta dan analisis kerana semua itu dapat disebut sebagai 'cerita' (Wattimena, 2009). Hasilnya, bercerita terbukti efektif dalam mengembangkan kemampuan bahasa individu (Rahmawati & Dewi Pusparini, 2026).

Walau bagaimanapun, ramai yang beranggapan bahawa bercerita atau naratif ini merupakan aktiviti mereka-reka sesuatu cerita, mengarang cerita-cerita rekaan dan memberitahu sesuatu yang tidak berlaku (Throgmorton, 2003) semata-mata sedangkan naratif boleh diluaskan kepada aktiviti berkongsi pengetahuan dan pengalaman juga. Menurut Jusoh (2014), bercerita boleh diubah suai mengikut situasi, sesuai dengan perkembangan teknologi masa kini sebagai alat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Naratif dikatakan berfungsi untuk menunjukkan identiti budaya sesebuah bangsa (Garrett, 2006) dan disokong oleh Fitch (2020) yang berpendapat bahawa cerita membantu mencipta budaya dan nilai. Hal ini kerana dalam cerita terkandung nilai-nilai yang boleh diserap secara tidak langsung oleh pembaca atau pendengar.

Cerita dikatakan berkesan untuk pembentukan sahsiah diri individu. Bercerita dikaitkan dengan kepelbagaian niat dalam mewujudkan kesedaran tentang diri, sistem nilai, visi, dan misi hidup dalam kehidupan peribadi dan profesional, malah sebagai alat yang berpotensi untuk membangunkan hubungan emosi, muhasabah diri, persefahaman bersama, dan peningkatan empati (Gupta & Jha, 2022). Menurut Ladzekpo et al. (2024), penceritaan dan naratif memainkan peranan penting dalam membentuk identiti budaya dan memahami dunia sekeliling. Cerita dan bercerita telah digunakan sejak sekian lama dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal (Malek et al., 2019). Malah, penggunaan cerita sebagai kaedah pengajaran sama ada dalam bidang sains mahupun sains sosial telah dikaji pada peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi (Landrum et al., 2019). Kajian-kajian lepas ini jelas membahaskan kepentingan naratif dalam pendidikan.

Metodologi

Kajian ini dijalankan secara pendekatan kualitatif, iaitu menggunakan reka bentuk kajian kes untuk mendapatkan pemahaman mendalam dan berfokus kesan pengaplikasian pendekatan naratif terhadap pemahaman pelajar dalam menjalankan penyelidikan. Penyelidikan kualitatif merujuk kepada suatu pendekatan penyelidikan yang memberikan penekanan kepada deskriptif, induktif, pembinaan asas teori dan kajian ke atas cara manusia memberikan makna kepada kehidupan mereka (Ismail, 2015). Dengan kata lain, penyelidikan kualitatif adalah pendekatan untuk meneroka dan memahami makna individu atau kumpulan tertentu berkenaan masalah sosial manusia (Creswell & Creswell, 2018). Dapat disimpulkan di sini bahawa pendekatan kualitatif merupakan satu pendekatan yang dijalankan secara mendalam, datanya dalam bentuk ayat atau perkataan untuk menjelaskan sesuatu fenomena dan masalah yang dihadapi dalam kelompok tertentu, iaitu melibatkan sampel yang kecil.

Kajian kes pula merupakan penyelidikan yang dilakukan secara intensif oleh penyelidik ke atas satu unit sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu kelab, satu sekolah atau satu masyarakat (Konting, 2005). Dalam konteks kajian ini, penelitian dijalankan dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus BBM3413 Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia. Kelebihan utama kajian kes adalah dari segi mendalamnya maklumat tentang sesuatu kes (Konting, 2005) yang diperoleh hasil penyelidikan yang dijalankan. Oleh itu, berdasarkan konsep-konsep ini, reka bentuk kajian ini adalah sesuai untuk mendapatkan maklumat yang jelas berkenaan pengaplikasian pendekatan naratif dalam pengajaran pada peringkat pengajian tinggi berdasarkan komen pelajar terhadap penilaian pengajaran pensyarah kursus.

Sebanyak 62 orang pelajar yang mendaftar kursus teras ini terlibat sebagai sampel kajian. Pemilihan sampel dibuat secara bertujuan, iaitu melibatkan semua pelajar yang mendaftar kursus ini pada semester keempat pengajian mereka dalam bidang bahasa dan linguistik Melayu.

Walau bagaimanapun, daripada 62 orang pelajar, hanya 61 orang pelajar yang memberikan respons terhadap penilaian pengajaran yang dijalankan secara dalam talian, iaitu bermula pada 2 Disember 2024 sehingga 26 Januari 2025 melalui laman Putra Learning Hub, UPM. Para pensyarah akan menerima penilaian pengajaran ini melalui e-mel daripada Pejabat Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar) sebelum semester seterusnya bermula. Namun, bagi tujuan penulisan artikel ini, hanya komen yang diberikan pelajar akan dikupas sebagai dapatan kajian. Terdapat 26 komen telah diberikan oleh pelajar yang dirincikan sebagai kesesuaian pendekatan naratif. Komen-komen ini dipetik sebagaimana ditulis dalam laporan penilaian pengajaran. Sebarang kesalahan bahasa dan ejaan tidak dibetulkan. Penilaian pengajaran pelajar terhadap pengajaran pensyarah dijadikan sebagai data utama kerana penilaian ini merupakan refleksi yang diberikan pelajar secara terbuka terhadap keseluruhan pengajaran pensyarah pada semester tersebut. Pelajar boleh memberikan komen secara bebas kerana maklumat pelajar dirahsiakan. Maklumat peribadi pelajar seperti nama, nombor matrik dan sebagainya tidak terpapar dalam penilaian ini. Sebaliknya, komen-komen yang diberikan ini dibuat secara umum tanpa kod sumber.

Penilaian terhadap kesesuaian pendekatan naratif dibuat secara tematik berdasarkan komen-komen positif terhadap pengajaran yang dilakukan. Terdapat lima tema telah dibentuk, iaitu penerangan jelas, memahami topik, menimbulkan rasa ramah dan mesra serta membuatkan pelajar seronok mempelajari kursus ini. Hal ini kerana pelaksanaan kuliah dijalankan secara pendekatan naratif, iaitu melibatkan perkongsian pengalaman pensyarah sendiri dan pengalaman-pengalaman individu lain yang dikenali sepanjang menjalankan penyelidikan untuk dikongsi kepada pelajar serta pengalaman pelajar sendiri sepanjang mempelajari kursus ini. Pelajar juga dikatakan mempunyai pengalaman kerana dalam pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan mengalami perubahan dalam diri yang merupakan hasil pengalaman (Md Sabil et al., 2021). Namun, untuk tujuan penulisan artikel ini, perkongsian naratif berdasarkan dua contoh berikut: Contohnya, semasa mengajarkan berkenaan topik kriteria pemilihan tajuk penyelidikan, pensyarah berkongsi pengalaman sendiri, iaitu:

Naratif 1: Pengalaman Sendiri

“Baiklah, untuk kuliah hari ini kita akan belajar berkenaan kriteria pemilihan tajuk. Terdapat beberapa perkara yang mempengaruhi pemilihan tajuk penyelidikan seperti minat, bidang, tempoh, dana, penyelia, prospek, data dan instrumen. Contohnya minat. Macam saya, saya menjalankan kajian berdasarkan minat saya, iaitu masa saya belajar dulu ...”

Naratif 2: Pengalaman Orang Lain

“Kadang-kadang bila kita terlalu banyak membaca, kita rasa macam topik tu menarik untuk dikaji. Nasihat saya, jangan bolak-balik. Setelah dapat topik kajian, sebolehnya fokus kepada topik itu sahaja. Pernah kakak senior semasa saya buat PhD dulu ...”

Kedua-dua naratif di atas merupakan antara contoh pendekatan naratif yang dilakukan sepanjang 14 minggu kuliah, yang bertujuan untuk memudahkan kefahaman pelajar mempelajari kursus kaedah

penyelidikan yang merupakan benda baru bagi mereka. Selain itu, pendekatan naratif juga digunakan sebagai contoh dan dalam masa yang sama sebagai nasihat agar pelajar tidak mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh individu lain sebelumnya. Berdasarkan cerita-cerita yang dikongsi, pelajar boleh memilih nasihat, pengalaman dan situasi yang bersesuaian dengan mereka. Pelajar yang perlu menyaring sendiri kesesuaian pelbagai naratif yang dikongsikan sepanjang kuliah mengikut keperluan masing-masing tanpa adanya unsur paksaan. Oleh itu, komen yang diberikan dalam penilaian pengajaran merupakan refleksi pelajar terhadap pendekatan pengajaran yang digunakan pensyarah sama ada naratif yang diaplikasikan sesuai sebagai pendekatan pengajaran kaedah penyelidikan berdasarkan komen-komen positif yang ditulis pelajar. Hal ini kerana kajian lepas menyatakan bahawa pendekatan naratif sesuai untuk semua kategori umur dan pelbagai senario atau situasi.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Kupasan data bahagian ini dibuat berdasarkan komen yang diberikan oleh pelajar yang mengikuti kursus ini dalam borang penilaian pengajaran yang telah die-melkan kepada pensyarah kursus setelah tamat kuliah.

Kesesuaian pendekatan naratif

Pendekatan naratif yang diaplikasikan dalam pengajaran dikatakan sesuai apabila pelajar memberikan komen seperti pendekatan naratif membantu kepada proses penerangan yang lebih jelas, dapat memahami isi kuliah, merasakan pensyarah kursus bersikap prihatin dan bertolak ansur sepanjang kuliah serta menunjukkan sikap bersedia membantu pelajar. Hal ini kerana naratif mementingkan elemen interaksi. Interaksi merupakan elemen yang penting bukan sahaja untuk menyampaikan isi pelajaran tetapi juga untuk membentuk hubungan dengan para pelajar. Ini disokong oleh Aminuddin et al. (2020) yang menyatakan bahawa jika tiada interaksi, guru-guru atau pendidik tidak boleh memberi pengetahuan dan maklumat yang sempurna serta pembelajaran yang efektif tidak akan berlaku. Teori Paradigma Naratif yang dikemukakan oleh Fisher (1978) dalam Stache (2017) mengemukakan lima elemen, iaitu:

1. Manusia pada dasarnya ialah pencerita
2. Pengambilan keputusan daripada cerita yang diperdengarkan dibuat berdasarkan pertimbangan yang sihat atau berdasarkan cerita yang dianggap masuk akal
3. Pertimbangan yang sihat dipengaruhi oleh sejarah, biografi dan karakter individu
4. Sesuatu cerita dianggap rasional apabila cerita tersebut konsisten secara dalaman dan dapat dipercayai oleh pendengarnya
5. Dunia merupakan satu set cerita dan manusia memilih cerita yang sesuai dengan mereka dalam menghadapi kehidupan yang berbeza dan cerita secara berterusan mencipta kehidupan individu

Berdasarkan Teori Paradigma Naratif ini, setiap orang mempunyai ceritanya yang tersendiri. Cerita ini boleh jadi cerita berdasarkan pengalaman sendiri atau mungkin juga cerita yang diperoleh berdasarkan pergaulan dengan orang sekeliling. Begitu juga halnya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus kaedah penyelidikan ini, apabila pensyarah kursus berkongsi cerita yang dialami sendiri dan dialami oleh rakan-rakan sepanjang menjalankan penyelidikan sebagai panduan kepada pelajar yang bakal menjalankan penyelidikan mereka sendiri pada semester hadapan. Input daripada cerita-cerita ini dipilih sendiri oleh pelajar dan disesuaikan dengan pengalaman dan keperluan menjalankan penyelidikan mereka. Di sini, tiada paksaan untuk pelajar mengambil semua input yang dikongsi, sebaliknya melalui proses saringan oleh pelajar sendiri. Hal ini kerana pelajar perlu menghasilkan kertas cadangan penyelidikan masing-masing dan sepanjang proses menghasilkan kertas cadangan itu pelajar perlu berkongsi dengan rakan sekelas masalah kajian yang mendorong kajian tersebut dijalankan, kriteria pemilihan tajuk kajian serta kaedah dan prosedur pengumpulan data yang digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan.

Penerangan Jelas

Antara komen yang menunjukkan bahawa pendekatan naratif yang diaplikasikan dalam pengajaran membantu dalam menjelaskan sesuatu konsep sepanjang kuliah ialah:




Rajah 1. Infografik tema penerangan jelas

Pelajar menyatakan bahawa pendekatan naratif yang digunakan sepanjang kuliah untuk menerangkan topik-topik tertentu jelas dan berlaku dengan baik. Naratif yang dikongsikan bukan sahaja dapat membantu pelajar mencari tajuk penyelidikan yang sesuai dengan bidang yang difokuskan, malah secara tidak langsung dapat membantu pelajar menjalankan penyelidikan tahun akhir pada semester berikutnya. Hal ini kerana cerita yang dikongsikan dapat menginspirasi akan hal-hal yang baru ataupun pengalaman yang belum pernah diketahui (Katoningsih, 2021).

Melalui perkongsian cerita ini, pelajar memperoleh gambaran awal menjalankan penyelidikan, iaitu dapat membantu pelajar membuat persediaan awal menghasilkan kertas cadangan penyelidikan dengan mengenal pasti topik yang ingin dikaji seterusnya mengenal pasti penyelia yang mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji. Pengajian peringkat bachelar, pemilihan penyelia ditentukan oleh Penyelaras Disertasi Bachelar berdasarkan borang tajuk yang dihantar pada akhir semester keempat, iaitu setelah tamatnya kuliah kursus ini. Seorang penyelia terhad kepada enam hingga tujuh orang pelajar seliaan sahaja. Oleh itu, pelajar perlu memastikan tajuk yang dihantar berfokus kepada penyelia yang dikehendaki supaya kertas cadangan yang dihasilkan semasa kuliah kursus ini dapat dilanjutkan sehingga selesai menyiapkan disertasi masing-masing. Oleh itu, naratif-naratif yang dikongsikan bukan sahaja menjelaskan ilmu menjalankan penyelidikan, malah proses yang perlu dilakukan sepanjang menjalankan penyelidikan tersebut sehingga selesai.

Memahami

Pendekatan naratif yang diaplikasikan dalam pengajaran dikatakan mampu memberikan kefahaman kepada pelajar. Antara komen pelajar ialah:



Rajah 2. Infografik tema memahami


Naratif didapati membantu pelajar memahami isi pelajaran yang disampaikan. Hal ini kerana naratif yang dikongsikan mengandungi situasi, contoh dan penyelesaian kepada sesuatu masalah yang dihadapi. Keadaan ini membuatkan pelajar mendapat gambaran sebenar proses menjalankan sesuatu penyelidikan berdasarkan pengalaman individu lain tanpa perlu melaluinya sendiri. Ini bersesuaian dengan pandangan Landrum, Brakke dan McCarthy (2019) yang menyatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran secara bercerita dapat membantu individu menjadikan kandungan kuliah itu lebih relevan secara peribadi, iaitu pelajar dapat membuat perkaitan topik yang diajarkan itu dengan penyelidikan yang dilakukan mereka. Tindakan dan sifat cerita ini secara tidak langsung memberikan lebih kefahaman kepada pelajar dalam mempelajari sesuatu topik yang diajarkan. Berbanding pendekatan pengajaran biasa yang dibuat secara syarahan yang membuatkan pelajar mendengar, namun tidak memahami dan mengingat kuliah yang disampaikan.

Dalam masa yang sama, pelajar boleh menyusun langkah-langkah penyelidikan masing-masing berdasarkan perkongsian proses menjalankan penyelidikan ini. Sifat naratif yang mempunyai unsur kedekatan pula membuatkan pelajar merasakan pensyarah bersikap ramah dan mesra. Hal ini kerana naratif yang dikongsikan ada kalanya bersifat peribadi, iaitu yang dilalui sendiri oleh pensyarah sepanjang menjalankan penyelidikan beliau sendiri. Ciri naratif ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Kartal dan Demir (2021) yang menggunakan cerita untuk memahami pembangunan awal kerjaya dalam kalangan bakal guru di sebuah universiti di Turki. Berdasarkan cerita-cerita atau pengalaman yang dialami sendiri oleh bakal guru-guru ini, cerita didapati dapat membantu guru menyusun dan memberikan makna kepada pengalaman awal mereka di samping membantu membina kesedaran sendiri, pemikiran kritis dan refleksi terhadap praktikal dalam bilik darjah pada masa akan datang. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sesuatu cerita yang dikongsikan memberikan gambaran atau imaginasi kepada pendengar tanpa perlu melalui pengalaman tersebut. Hasilnya, pendengar lebih memahami sesuatu topik yang diterangkan secara bernaratif berbanding pendekatan pengajaran yang lain.

Seronok

Pembelajaran yang santai pastinya memberikan kesan seronok, iaitu pelajar menikmati sesi kuliah. Naratif bukan sahaja membuatkan perjalanan kuliah berjalan dengan santai, malah membuatkan isi kuliah yang berat terasa mudah dan dekat. Apabila pelajar mempelajari sesuatu tanpa tekanan, mereka akan berminat dan bermotivasi untuk mempelajari isi kuliah tersebut. Minat adalah suatu keinginan dan kemahuan seseorang

untuk mencapai sesuatu perkara dan diiringi dengan semangat serta motivasi (Bahar & Md. Sham, 2022). Mereka akan merasakan kuliah dijalankan untuk membolehkan mereka memperoleh ilmu dan bukan semata-mata memenuhi syarat menyelesaikan topik kuliah semata-mata. Akhirnya, pelajar bersedia untuk belajar dan memahami bahawa kuliah dijalankan untuk mereka memperoleh ilmu menjalankan penyelidikan secara lebih berkesan. Hal ini kerana ciri-ciri naratif yang boleh dijelaskan dan dikongsikan menggunakan gaya tersendiri. Pensyarah bebas menggunakan dan menggabungkan pelbagai elemen dalam usaha menyampaikan isi kuliah. Hal ini kerana Rinvolucris (2008) menyatakan bahawa kuasa bercerita terletak pada hakikat bahawa guru/pensyarah berkomunikasi secara langsung di dalam kelas, dengan menjadikan cerita itu miliknya. Oleh itu, guru/pensyarah bebas mengolah naratif agar bersesuaian dengan khalayak dan isi pelajaran yang ingin disampaikan. Bukan itu sahaja, pelbagai emosi juga diterapkan semasa bernaratif. Keadaan ini membuatkan pelajar beranggapan pensyarah seorang yang tegas dan dalam masa yang sama ceria, seperti komen berikut:



Rajah 3. Infografik tema seronok

Bercerita merupakan salah satu aktiviti interaktif menggunakan perkataan dan tindakan untuk mendedahkan elemen dan imej dalam cerita sambil menggalakkan imaginasi pendengar (Tambunan et al., 2018). Oleh itu, untuk menyampaikan cerita kadang-kadang perlu perubahan intonasi sebagai penegasan terhadap sesuatu perkara dan keadaan ini menampakkan ketegasan pensyarah. Namun, dalam situasi tertentu, ciri-ciri lain ditunjukkan, iaitu bergantung kepada interaksi yang wujud semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini kerana kelas yang dijalankan menggunakan pendekatan naratif bersifat dua hala, bukan guru sahaja sebagai pencerita dan pelajar sebagai pendengar yang pasif. Sebaliknya, sesi pengajaran dan pembelajaran melibatkan penyertaan aktif pelajar yang bercerita dan bertanyakan sebarang soalan sekiranya perlu. Misalnya, pelajar menyatakan minatnya untuk mengkaji penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa kerana pernah berinteraksi dengan pelajar antarabangsa yang menggunakan perisian *Google Translate* untuk berkomunikasi dan pada dua semester berikutnya, pelajar yang sama mula boleh menggunakan ayat-ayat pendek dalam bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Berdasarkan pengalaman ini, pelajar tertanya-tanya sama ada aplikasi tertentu membantu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa ini walaupun disebabkan oleh faktor-faktor lain. Melalui perkongsian pengalaman ini, memberikan kefahaman kepada rakan pelajar yang lain bahawa topik penyelidikan boleh diperoleh berdasarkan minat dan pengalaman peribadi pelajar.

Prihatin dan bertolak ansur

Walaupun dianggap bersikap tegas, namun antara komen pelajar ada yang menyatakan bahawa pengaplikasian pendekatan naratif membuatkan mereka merasakan pensyarah mempunyai sikap prihatin dan bertolak ansur. Hal ini kerana dalam naratif, pensyarah kursus tidak memaksa pelajar menerima sesuatu perkara yang diterangkan itu. Sebaliknya pelajar bebas memilih mana-mana input yang bersesuaian dengan situasi mereka

menjalankan penyelidikan. Dalam bernaratif, pensyarah lebih kepada berkongsi pengalaman dan maklumat dan bukannya memaksa pelajar menerima bulat-bulat maklumat yang dikongsi itu. Pelajar diberi ruang dan peluang untuk berinteraksi dengan bertanyakan soalan dan memberikan pendapat, mahupun berkongsi cerita mereka sendiri. Ini membuktikan bahawa pendekatan naratif bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi turut membina hubungan afektif antara pensyarah dengan pelajar seperti komen pelajar berikut:




Rajah 4. Infografik Tema prihatin dan bertolak ansur

Situasi ini memenuhi paradigma pertama dan kelima Teori Paradigma Naratif Fisher (1978) apabila pendengar, iaitu dalam konteks kajian ini pelajar yang mengambil kursus BBM3413 Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu membuat pertimbangan mereka sendiri dalam menapis maklumat yang disampaikan untuk disesuaikan dengan keperluan pembelajaran mereka. Selain itu, naratif yang diaplikasikan sepanjang kuliah juga dikatakan mampu menimbulkan rasa yang positif dalam kalangan pelajar. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Komóczy dan Kósa (2025) yang meneliti naratif sebagai intervensi baharu dalam persekitaran pemulihan berasaskan komuniti dalam kalangan pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental untuk menguji kebolehlaksanaan dan potensi cerita dalam meningkatkan kepuasan hidup. Oleh itu, jelaslah di sini bahawa naratif atau cerita yang sesuai mampu menggerakkan hati atau perasaan individu yang mendengarnya. Cerita bukan sahaja membuatkan individu rasa lebih dekat, malah menimbulkan rasa prihatin, ambil berat serta kasih sayang.

Membantu

Salah satu matlamat pendekatan naratif diaplikasikan dalam pengajaran kursus ini adalah untuk membolehkan pelajar mendapat ilmu secukupnya dan gambaran yang jelas dalam menjalankan penyelidikan. Sehubungan itu, pensyarah kursus cuba sebaik mungkin memudahkan penerangan dengan mengaitkan dengan cerita-cerita tertentu yang berkait secara langsung dalam menjalankan sesuatu penyelidikan.



Rajah 5. Infografik tema membantu

Berdasarkan kajian-kajian lepas, didapati bahawa cerita sebagai kaedah pembelajaran yang digemari kerana sifat cerita yang dapat mengungkapkan banyak hal yang tersimpan dalam fikiran mahupun perasaan seseorang sehingga dapat mempengaruhi sikap dan perilaku individu yang menerima atau mendengarkan cerita tersebut (Zubaedah, Azhariansah & Hidayati, 2019). Oleh itu, naratif diaplikasikan kerana menjalankan sesuatu penyelidikan dalam bidang bahasa dan linguistik Melayu boleh dikatakan perkara baru dalam kalangan pelajar ini. Mereka sebelumnya tidak terdedah dengan cara menjalankan penyelidikan dan menganggap penyelidikan sesuatu yang asing bagi mereka. Diharapkan melalui perkongsian pelbagai situasi penyelidikan di dalam kuliah membolehkan pelajar mendapat gambaran yang jelas dan seterusnya berjaya merancang serta menyiapkan penyelidikan tahun akhir masing-masing. Keberkesanan cerita ini membuatkan pendekatan ini digunakan dalam pelbagai bidang. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Lee dan Suh (2025) di Korea Selatan untuk membangun dan menilai keberkesanan program pendidikan penjagaan luka terbakar berasaskan cerita dalam meningkatkan pengetahuan, sikap, prestasi dan efikasi sendiri pelajar dalam bidang kejururawatan. Hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan cerita berjaya meningkatkan kecekapan dalam kalangan pelajar jururawat ini dalam penjagaan luka melecur dengan berkesan. Keadaan ini menunjukkan bahawa bercerita sesuai digunakan untuk meningkatkan pengetahuan dalam kalangan pelajar termasuklah pengetahuan yang baharu bagi mereka. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa keberkesanan pendekatan naratif dalam menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan tanpa sempadan bidang ilmu.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa naratif sesuai diaplikasikan sebagai salah satu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu baharu dan di institusi pengajian tinggi. Dapatan kajian ini menyokong Teori Paradigma Naratif yang dikemukakan oleh Fisher (1978) dan jelas di sini bahawa naratif atau cerita ini bukan semata-mata sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan kanak-kanak. Sebaliknya, pendekatan naratif boleh diluaskan skopnya dalam kalangan pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di universiti. Namun, diakui bahawa kajian-kajian lepas masih kurang dijalankan dalam kalangan pelajar pengajian peringkat tinggi ini walaupun naratif sememangnya diakui berkesan.

Naratif bukan sekadar bercerita, namun melibatkan perkongsian pengalaman dan maklumat dari seorang individu kepada individu yang lain. Keberkesanan naratif dalam menyampaikan sesuatu maklumat sering diremehkan dan kurang diberikan perhatian. Diharapkan melalui kajian kes ini dapat membuka mata khalayak keberkesanan naratif dalam pengajaran sesuatu kursus dalam kalangan belia yang sedang melanjutkan pengajian di universiti dan sudah semestinya kajian lebih lanjut perlu dijalankan. Hal ini kerana walaupun naratif dikatakan berkesan, namun penelitian secara lebih rinci perlu dilakukan untuk mengenal

pasti bentuk naratif yang sesuai mengikut kelompok umur tertentu. Sudah semestinya pendekatan naratif untuk kanak-kanak berbeza dengan pendekatan naratif untuk belia dan lain-lainnya. Penelitian yang lebih mendalam perlu dijalankan agar naratif boleh diangkat sebagai salah satu pendekatan pengajaran yang sesuai dalam pedagogi pengajian tinggi. Diakui bahawa bercerita dekat dengan diri setiap individu. Namun, cerita yang bagaimana sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu kursus perlu dikaji secara lebih teliti agar pendekatan ini benar-benar dapat membantu pemahaman pelajar terhadap kuliah yang disampaikan.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan penghargaaan dan ucapan terima kasih kepada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan pelajar kursus BBM3413 Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu atas maklum balas terhadap kuliah yang dijalankan.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Kenyataan persetujuan termaklum telah diperoleh daripada semua subjek yang terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan terlibat dalam penulisan artikel ini.

Rujukan

- Abu Talib, S., Mohammad Nasri, N., & Mahmud, M. S. (2025). Memperkasakan kemahiran pedagogi dalam kalangan guru Matematik: Aplikasi Kaedah Fuzzy Delphi. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 22(2), 161-175. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2202.14>
- Ahmadpour, N., Shariati, A & Moghadam, M. P. (2025). Effect of narrative writing based on Gibbs' reflective model on the empathy and communication skills of nursing students. *BMC Medical Education*, 25(10), 1-9. <https://doi.org/10.1186/s12909-024-06593-7>
- Aminuddin, Z. N. L., Sabil, A. M., & Jamian, A. R. (2020). Teknik interaksi lisan dalam pengajaran kursus Bahasa Melayu di Institut Pendidikan Guru (IPG). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 18-32. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.2.2020>
- Bahar, A. B., & Md. Sham, F. (2022). Pendekatan minat kepada pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(7), 109-123. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2022.1907.09>
- Bayer, S., & Hettinger, A. (2019). Storytelling: A natural tool to weave the threads of science and community together. *The Bulletin of the Ecological Society of America*, 100(2), e01542. <https://doi.org/10.1002/bes2.1542>
- Creswell, J. W & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (5th ed). SAGE Publications.
- Fitch, M. (2020). The power of storytelling [Editorial]. *Canadian Oncology Nursing Journal*, 30(1), 2.
- Fisher (1978) dalam Stache, L. (2017). Fisher narrative paradigm. Dalam *The sage encyclopedia of communication research methods*, 4, 576-578. SAGE Publications, Inc, <https://doi.org/10.4135/9781483381411.n205>
- Friskie, S. (2020). The healing power of storytelling: Fining identity through narrative. *The Arbutus Review*, 11(1), 19-27. <https://doi.org/10.18357/tar111202019324>
- Garrett, R. (2006). Critical storytelling as a teaching strategy in physical education teacher education. *European Physical Education Review*, 12(3), 339–360. <https://doi.org/10.1177/1356336x06069277>
- Gupta, R. & Jha, M. (2022). The psychological power of storytelling. *The International Journal of Indian Psychology*, 10(3), 606-614.
- Hughes, J. M., Oliveira, J. & Bickford, C. (2022). The power of storytelling to facilitate human connection and learning. *Impact*, 11(2), 17-25.
- Ismail, R. (2015). *Metodologi penyelidikan: Teori dan praktis*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jones, R. (2001). A consciousness-raising approach to the teaching of conversational storytelling skills. *ELT Journal*, 55(2), 155–163. <https://doi.org/10.1093/elt/55.2.155>

- Jusoh, Z. (2014). *Kesan pendekatan naratif dan komunikatif terhadap motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan pencapaian kemahiran mengarang*. [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/52163/>
- Kartal, G. & Demir, Y. (2021). Observational narrative knowledge in early professional development of student teachers of English. *Instructional Science*, 49(1), 109-135. <https://doi.org/10.1007/s11251-020-09532-3>
- Katoningsih, S. (2021). *Keterampilan bercerita*. Muhammadiyah University Press.
- Khlil, S. N. A. & Md Razi, S. B. (2018). Kasih sayang dalam inspirasi cinta: Penciptaan karya berdasarkan Teori Paradigma Naratif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 273-295.
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Komóczy, M. & Kósa, K. (2025). Storytelling as narrative health promotion in community psychiatry: A quasi-experimental study. *BMC Psychiatry*, 25(1), 376. <https://10.1186/s12888-025-06816-1>
- Ladzekpo, Amekor, dan Davi (2024). The power of storytelling and narrative in literature and cultural identity: A review article. *British Journal of Humanities and Social Science*, 1(1), 20-31. <https://10.61424/bjhss.v1.i1.156>.
- Landrum, R. E., Brakke, K. dan McCarthy, M. A. (2019). Teacher-ready theory review: The pedagogical power of storytelling. *Scholarship of Teaching and Learning in Psychology*, 5(3), 247-253 <http://dx.doi.org/10.1037/stl0000152>
- Lee, D. & Suh, E. E. (2025). Development and application of a storytelling-based burn care education program for nursing students. *Nurse Education Today*, 153, 1-10. <https://doi.org/10.1016/j.nedt.2025.106787>
- Malek, A. B., Rahman, M. N. A., Darus, R., & Mansor, M. A. (2019). Pendekatan bercerita berasaskan kurikulum berkepelbagaian budaya untuk pembelajaran literasi awal kanak-kanak. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 7(3), 28-34.
- Md Sabil, A., Jamian, A. R., Othman, S., Said, R. R., Sulaiman, T. & Aminuddin, Z. N. (2021). Penerapan kemahiran insaniah bagi domain afektif kemahiran komunikasi, sepanjang hayat, sosial dan kepimpinan untuk kemenjadian siswa universiti. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 105-119. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.8.2021>
- Rahmawati & Dewi Pusparini. (2026). Implementasi metode bercerita dalam membangun kemampuan literasi bahasa pada anak usia 4-5 tahun. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 10(1), 172-183.
- Rinvulcri, M. (n.d). *Storytelling: The language teacher's oldest technique*. British Council. <http://www.teachingenglish.org.uk/think/articles/story-telling-language-teachers-oldest-technique>
- Tambunan, V. D., Raja, V. L., & Sari, A. S. P. (2018). Improving students' speaking skill through story telling technique to the eleventh-grade students of SMA Swasta Katolik Budi Murni 2 Medan. *KAIROS ELT JOURNAL*, 2(1), 28-46.
- Throgmorton, J. A. (2003). Planning as persuasive storytelling in a global-scale web of relationship. *Planning Theory*, 2(2), 125-151.
- Wattimena, R. A. A. (2009). *Metode naratif dalam ilmu-ilmu sosial*. <http://rumahfilsafat.com/2009/11/28/metode-penelitian-naratif/>
- Zubaedah, S., Azhariansah & Hidayati, L. (2019). *Seni bercerita*. Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan UIN Sunan Kalijaga.
- Zulfitria, Rahmatunnisa, S. & Khanza, M. (2021). Penggunaan metode bercerita dalam pengembangan kemampuan kognitif pada anak usia dini. *Yaa Bunayya: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 5(1), 53-60.